KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	13.07.22	MUKA SURAT	:	3
JABATAN	:	JPSM			

'Bencana tidak berlaku jika hutan tak disentuh'

Dari Muka 1

Kelmarin, Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Noor menafikan pentadbirannya terbabit dalam projek itu, sebaliknya menyalahkan kerajaan negeri terdahulu di bawah pimpinan Mukhriz, yang menjadi Menteri Besar pada 2013 hingga 2016 dan 2018 hingga 2020.

Katanya, konsep ladang rakyat yang diperkenalkan kerajaan di bawah pentadbiran Menteri Besar daripada PAS, Allahyarham Tan Sri Azizan Abdul Razak dari 2008 hingga 2013 itu digagalkan Muhkriz kerana khuatir projek itu akan mengharumkan nama Azizan dan PAS dalam kalangan orang miskin.

Dalam kenyataannya, Mukhriz berkata, syarikat ECK yang menaja Persatuan Bola Sepak Kedah (KFA) ketika itu, kemudian dianugerah projek mega lapangan terbang antarabangsa Kulim (KXP) oleh Muhammad Sanusi.

Katanya, Muhammad Sanusi bagaimanapun membatalkan anugerah itu kerana terbukti ECK tidak mampu melaksanakan projek mega berkenaan.

Mukhriz berkata, apabila beliau kembali sebagai Menteri Besar pada 2018, keputusan dibuat untuk mengehadkan penanaman durian kepada hanya 20 peratus.

Malah, beliau berkata, Jabatan Alam Sekitar (JAS) turut membenarkan peratusan itu untuk tanaman, selain TLC dan tujuh spesies pokok hutan yang lain.

"Perlu diingatkan sekali lagi bahawa penanaman semula walaupun membabitkan kerja teres tanah, bukanlah punca hakisan tanah dan banjir.

"Bencana itu tidak akan berlaku jika hutan simpan tidak disentuh untuk tujuan pembalakan pokok bernilai tinggi dan aktiviti tebang bersih atas alasan Ladang Sejahtera sebelum 2013," katanya.

Projek ladang durian Musang King di Gunung Inas sebelum ini dikaitkan antara punca tragedi banjir dan kepala air di Baling, minggu lalu.

Kejadian itu mengorbankan tiga nyawa dan memusnahkan 15 rumah, selain beratus lagi kediaman penduduk rosak.

Untuk rekod, Ahmad Bashah menjadi Menteri Besar Kedah mulai 2016 hingga 2018.

Sudah ditukar status

Mukhriz juga berkata, meskipun kebanyakan pihak beranggapan penanaman durian Musang King mengakibatkan bencana, perlu dilihat juga bahawa kawasan Hutan Simpan Kekal di Gunung Inas sudah ditukar statusnya kepada ladang pertanian oleh kerajaan BN pada 2007 dan dijenamakan sebagai Ladang Sejahtera berkonsepkan ladang rakyat oleh kerajaan PAS pada 2008.

Beliau berkata, ia menyebabkan pokok hutan terpaksa ditebang untuk melaksanakan ladang di atas tanah terbabit.

Mukhriz turut mempersoalkan sama ada Kajian Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA) dibuat ketika kerja tebang bersih itu dilakukan.

"Yang ditebang bukan hanya pokok bernilai tinggi, tetapi ditebang bersih atau cuci mangkuk untuk penanaman semula pokok TLC atau pokok hutan yang diluluskan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM).

"Inilah yang dilakukan oleh kerajaan PAS seperti yang diakui oleh menteri besar sendiri. Sekitar 2012 hingga 2013, saya antara pihak yang membantah projek Ladang Sejahtera di Kedah, bukan kerana pokok yang hendak ditanam, tetapi kerana hutan simpan digondolkan," katanya.

Mukhriz berkata, dengan penjelasan itu, beliau meminta supaya tiada lagi pihak membuat tuduhan liar terhadapnya dan kerajaan negeri yang beliau terajui sebelum ini, semata-mata untuk mengaburi mata rakyat daripada kebenaran.

Sementara itu, usaha menghubungi dan menemui Ahmad Bashah di kediamannya tidak berhasil, sebaliknya pegawainya memaklumkan beliau akan membuat kenyataan media dalam masa terdekat.

Senarai Menteri Besar Kedah

- Datuk Seri Syed Razak Syed Zain Barakbah (1999-2005)
- Datuk Seri Mahdzir Khalid (2005-2008)
- Tan Sri Azizan Abdul Razak (2008-2013)
- Datuk Seri Mukhriz Mahathir (2013-2016)
- Datuk Seri Ahmad Bashah Md Hanipah (2016-2018)
- Datuk Seri Mukhriz Mahathir (2018-2020)
- Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor (2020-kini)

BH130722_3